



PEMINDAHAN MANGSA BANJIR

SEKUMPULAN mangsa banjir dipindahkan dengan menggunakan bot berikutan bencana alam itu yang melanda kawasan Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

Gelombang ketiga banjir di Kelantan, Terengganu

● Banjir gelombang ketiga melanda beberapa daerah di Kelantan dan Terengganu semalam menyebabkan lebih 1,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan ekoran hujan lebat sejak tiga hari lalu.

● Daerah yang terlibat ialah Besut, Setiu, Dungun dan Hulu Terengganu di Terengganu manakala di Kelantan pula melibatkan daerah Kuala Krai, Tanah Merah, Machang dan Pasir Putih.

● Banjir itu turut meragut nyawa dua remaja, Muhammad Zulkhairi Ab. Talib, 15, dan Mohammad Arif Johan Mohd. Noh, 13, setelah bot yang mereka naiki terbalik di Kampung Pertok, Temangan, Machang.

● Berpuluh-puluh buah sekolah di daerah terlibat terpaksa ditutup kerana dinaiki air atau jalan terputus hubungan.

● Sementara di Tumpat, seramai 500 petani di lapan buah kampung mendakwa kerugian RM750,000 berikutan sawah padi yang diusahakan mereka ditenggelami air sejak tiga hari lalu.

**BERITA PENUH
DI MUKA 9**

● 14 pusat pemindahan dibuka ● Tujuh sekolah ditutup

628 mangsa banjir dipindah

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

pengarang@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 26

Feb. - Banjir yang kembali melanda beberapa daerah di negeri ini pada musim yang di luar jangkaan, kini memaksa 628 orang daripada 206 keluarga ditempatkan di pusat-pusat pemindahan sehingga petang ini.

Diburukkan dengan keadaan hujan yang berterusan sejak tiga hari lalu dan angin kencang, empat buah sekolah di Setiu turut ditutup untuk sesi pembelajaran hari ini kerana kawasan sekitar digenangi air di samping laluan terputus.

Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) memaklumkan, sehingga pukul 4 petang semalam, sebanyak 14 buah pusat pemindahan telah dibuka di tiga daerah untuk menempatkan kesemua mangsa.

Di **Besut**, seramai 160 mangsa dari 55 keluarga ditempatkan di enam pusat pemindahan iaitu di dewan serbaguna Kampung Apal, Masjid Kampung Bukit Payung, Masjid Kampung La, Masjid Kampung Padang Bual, Sekolah Kebangsaan Bukit Payung dan Surau Kampung Bukit Mali.

Sementara itu di Setiu, seramai 129 mangsa ditempatkan di enam pusat pemindahan iaitu surau Kampung Sungai Pinang, surau Kampung Kubang Puyu, balai raya Kampung Sungai Lerek, balai raya Merbau Menyusut, loji air Sungai Tong dan surau Kampung Gazebo.

Di **Dungun**, seramai 339 mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu di Dewan Kampung Pasir Raja dan Sekolah Kebangsaan



ISMAIL Husain (kiri) dan isterinya, Wan Mariam Wan Muda menaiki sampan untuk ke pusat pemindahan mangsa banjir selepas rumah mereka di Kampung Buluh, Setiu, Terengganu dilanda banjir semalam - BERNAMA

Syukur.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pelajaran negeri, Zakaria Hussin ketika dihubungi memberitahu, empat sekolah di Setiu yang terpaksa ditutup ialah Sekolah Kebangsaan

(SK) Kampung Buluh, SK Kampung Besut, SK Kampung Las dan SK Kampung Bukit.

"Kesemua sekolah terlibat ialah sekolah yang sering dilanda banjir dan kita akan buka semula sekolah

terlibat selepas banjir surut dan laluan ke sekolah berkenaan dibuka semula," katanya.

Tiga buah sekolah di Hulu Terengganu turut ditutup iaitu SK Padang Setebu, SK Tadok dan SMK

Kuala Jenderis.

Malah terdapat guru yang terperangkap di SK Padang Setebu dan SK Sungai Berua kerana jalan terputus dan pihak bomba sedang berusaha mengeluarkan mereka.